

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : RENCANA

Wabak cacar monyet ancaman baharu dunia selepas COVID-19

Oleh Prof Madya Dr Malina Osman
bhrencana@bh.com.my



Pakar Perubatan
Kesihatan Awam UPM

Berita antarabangsa sejak beberapa hari lalu melaporkan wabak cacar monyet kini tersebar di beberapa kawasan di Kanada, Amerika Syarikat (AS), beberapa negara Eropah termasuk United Kingdom (UK), Jerman, Perancis dan terkini Australia.

Penyakit cacar monyet adalah sejenis jangkitan 'zoonosis' disebabkan virus cacar monyet dari kumpulan 'poxviridae'. Walaupun ia mengambil nama haiwan monyet, perumah mutlak virus cacar jenis ini sebenarnya masih tidak dapat dipas-

tikan dengan tepat.

Selain beberapa spesies monyet bertanggungjawab terhadap penularannya, ia juga dikesan dalam haiwan lain seperti tupai tanah dan pokok, tikus Gambia dan tikus belukar (*dormice*).

Penyakit cacar monyet mula dikesan di Republik Demokratik Congo pada 1979 selepas seorang kanak-kanak didapati mempunyai gejala menyerupai cacar air (*smallpox*), namun ujian makmal menunjukkan ia jangkitan disebabkan virus cacar monyet.

Selepas penemuan berkenaan, terdapat kes dikesan, namun terbatas di beberapa negara Afrika sahaja iaitu yang berdekatan seperti Cameroon, Republik Afrika, Gabon, Cote d'Ivoire, Liberia, Nigeria, Sierra Leone dan Sudan.

Wabak dilaporkan di luar Afrika iaitu di benua Amerika dan Eropah baru-baru ini bukan sesuatu yang tidak pernah berlaku. Ini kerana sepanjang tempoh dari 1990-an dan era 2000 terdapat kes cacar monyet dilaporkan berlaku di luar Afrika.

Namun, apa yang perlu diberikan perhatian untuk wabak terkini yang dilaporkan itu berlaku dalam jumlah atau bilangan agak tinggi daripada yang biasa dilaporkan.

Jangkitan cacar monyet berlaku dalam kalangan individu yang tinggal di persekitaran mempunyai kontak dengan monyet melalui aktiviti domestik, perladangan, pemburuan, deforestasi dan sebagainya, yang mana ia tersebar melalui gigitan haiwan atau sentuhan langsung cecair tubuh dari haiwan atau individu yang dijangkiti.

Bendalir tubuh boleh menular menerusi bendalir daripada lesi kulit berupa ruam 'makulapapular' (*vesikel*) yang biasanya berisi cecair, atau daripada bahagian lapisan mukosa mulut yang turut mempunyai lesi berkenaan melalui air liur dan kahak.

Tularan juga boleh berlaku melalui darah (melalui gigitan) dan sebarang bendalir tubuh daripada haiwan atau individu dijangkiti. Kumpulan umur terdedah dengan jangkitan ini ialah mereka yang aktif dalam aktiviti harian serta mempunyai potensi kontak rapat dengan haiwan atau dengan kumpulan individu berisiko.

Laporan menyebut mereka dalam kumpulan umur kurang 50 tahun berisiko terhadap jangkitan, manakala sebahagian negara melaporkan terdapat kecenderungan agak tinggi dalam kalangan kanak-kanak berusia 10 tahun.

Jangkitan ditandai demam tinggi, diikuti muncul ruam 'makulapapular' pada kulit, biasanya dalam bentuk vesikel berisi cecair dan majoritinya berlaku pada bahagian muka serta tangan dan kaki.

Penyebaran ruam jarang berada pada bahagian badan. Selain demam dan ruam, individu dijangkiti turut mengalami bengkak bahagian kelenjar limfa, berasa letih, sakit dan kejang otot.

Gejala dimanifestasikan dalam tempoh enam hingga 21 hari selepas mula terdedah pada punca jangkitan. Majoriti dijangkiti mempunyai gejala dan tanda klinikal selama tempoh dua hingga empat minggu.

Kebanyakan mereka pulih sepenuhnya tanpa sebarang komplikasi melainkan individu tertentu mempunyai masalah sistem pertahanan tubuh lemah.

Kadar kematian akibat jangkitan cacar monyet dicatatkan sekitar tiga hingga enam peratus berbanding cacar air yang merekodkan kadar kematian sehingga 30 peratus.

Kematian akibat cacar monyet biasanya berlaku dalam kalangan kanak-kanak, dewasa yang 'terimunokompromi' atau mempunyai masalah komorbid. Ia turut dikaitkan dengan komplikasi organ dalaman iaitu radang di paru-paru dan otak.

Pada masa ini, tiada kes cacar monyet pernah dilaporkan di Malaysia, oleh itu dalam konteks pencegahan, masyarakat perlu proaktif melaksanakan semua langkah berjaga-jaga, mengelak daripada dijangkiti terutama mereka yang akan membuat perjalanan ke luar negara khususnya ke negara dilaporkan berlakunya wabak.

Dari segi kesihatan awam, rakyat perlu mengelak ke negara berkenaan atau menangguhkan perjalanan yang tidak perlu sehingga keadaan reda.

Vaksin cacar air (*smallpox*) dilaporkan mempunyai 85 peratus keberkesanan untuk mencegah jangkitan cacar monyet. Bagi perjalanan penting yang tidak dapat ditangguhkan, disyorkan kepada pengembara untuk mendapatkan perlindungan daripada vaksin cacar air berkenaan.

Mereka yang terbabit dalam perjalanan juga perlu mematuhi nasihat menjaga kebersihan tangan dan diri, mengamalkan kebersihan tangan sebelum memegang sebarang permukaan sekitar serta mengelak daripada individu berkemungkinan berisiko mendapat jangkitan.

Di samping itu, semua garis panduan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk pengembara yang baru tiba dari negara dilanda wabak cacar monyet perlu dipatuhi. Sebarang gejala perlu dipantau dalam tempoh dua hingga tiga minggu.

Sebarang isu kesihatan yang mungkin terbabit dengan jangkitan terutama disyaki jangkitan cacar monyet perlu dilaporkan segera supaya tindakan pengasingan dapat dilaksanakan.

Pada masa ini, KKM dilaporkan akan terus melaksanakan pemantauan pintu masuk negara bagi memastikan tiada sebarang ancaman penyakit berkenaan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“ Pada masa ini, tiada kes cacar monyet pernah dilaporkan di Malaysia, oleh itu dalam konteks pencegahan, masyarakat perlu proaktif melaksanakan semua langkah berjaga-jaga, mengelak daripada dijangkiti terutama mereka yang akan membuat perjalanan ke luar negara khususnya ke negara dilaporkan berlakunya wabak ”



Selain demam dan ruam, individu dijangkiti cacar monyet turut mengalami bengkak kelenjar limfa, berasa letih, sakit dan kejang otot. (Foto hiasan)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penularan penyakit tangan, kaki dan mulut

KKM tak galak guna rawatan alternatif

Taiping: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak menggalakkan kaedah rawatan alternatif seperti menggunakan serbuk kunyit ataupun daun semambu, bagi merawat penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata sebaliknya orang ramai diminta berjumpa doktor jika mengalami gejala jangkitan.

"KKM memang tidak menggalakkan rawatan alternatif kerana ia tidak ditentukan kesahihan-

nya lagi dari sudut sains. Malah, tiada rawatan khusus dari sudut sains bagi penyakit itu.

"Kita juga bimbang akan gejala dehidrasi. Justeru, kanak-kanak yang dijangkiti HFMD perlu dipastikan minum air secukupnya. Jika langsung tidak boleh minum air, memang perlu diberi secara *intravenous* (suntikan ke dalam salur darah) dan dibawa ke hospital," katanya pada majlis jamuan Aidilfitri di kediaman beliau, di sini, semalam.

Pada 17 Mei lalu, Ketua Pen-

garah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata jumlah kes HFMD di negara ini meningkat pada kadar membimbangkan, iaitu 15 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu, dengan 31,661 kes.

Dr Noor Hisham berkata, 7,526 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 berakhir 14 Mei lalu yang menunjukkan peningkatan 349 peratus, berbanding ME sebelumnya dengan hanya 1,676 kes di seluruh negara.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

CACAR MONYET

‘Vaksin cacar air sedia ada berkesan’

Kuala Lumpur

Rakyat negara ini yang berhasrat untuk melawat negara yang dilanda wabak cacar monyet atau monkeypox dinasihatkan supaya mendapatkan vaksin sebagai perlindungan daripada dijangkiti virus penyakit tersebut.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Malina Osman berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga perlu mengeluarkan garis panduan kepada mereka yang ingin melancong ke destinasi-terbabit sebagai langkah berjaga-jaga, sekali gus mengelakkan penyakit itu daripada merebak ke ne-

gara ini.

“Garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mencadangkan supaya mendapatkan vaksin cacar air sedia ada yang dikatakan 85 peratus berkesan terhadap cacar monyet.

“Saya tidak pasti sama ada ia terdapat di klinik kerajaan, tetapi di klinik swasta mungkin ada.

“Vaksin cacar monyet juga sudah ada (di luar negara), tetapi di pasaran Malaysia saya tidak pasti sudah ada atau tidak,” katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata kerajaan juga perlu mempertingkatkan kawalan di sempadan termasuk memantau kemasukan individu dari negara dilanda wabak

itu ke negara ini.

“Bagi mereka yang mahu masuk dari negara yang sudah dilaporkan ada wabak ini, saya percaya garis panduan oleh kementerian akan dikeluarkan bagi memantau sebarang gejala.

“Saya yakin caranya sama macam chickenpox (cacar air) iaitu perlu di kuarantin dalam tempoh tertentu bagi mengelakkan penularan tempatan,” katanya.

Menjelaskan lebih lanjut, Dr Malina berkata, virus tersebut berasal daripada monyet dan tersebar kepada manusia menerusi kontak secara langsung cecair tubuh seperti air liur, hingus dan kahak.

Menurutnya majoriti pesakit cacar monyet pulih tanpa komplikasi dengan kadar kematian juga rendah berbanding cacar air, iaitu sekitar tiga hingga enam peratus.

Selain itu, katanya, me-

reka yang dijangkiti juga mengambil masa di antara dua hingga empat minggu untuk pulih sepenuhnya.

Beliau berkata, setakat ini menurut WHO, negara seperti Australia, Kanada, Amerika Syarikat, Belgium, Perancis, Jerman, Itali, Portugal, Sepanyol, Sweden dan United Kingdom telah melaporkan beberapa kes jangkitan cacar monyet.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Datuk Dr Zainal Ariffin Omar ketika dihubungi Bernama menasihatkan mereka yang ada mengalami simptom selepas pulang dari negara terbabit supaya segera pergi mendapatkan pemeriksaan di klinik.

“Paling penting sekarang adalah kalau kita ada pergi ke sana atau ada yang datang ke mari dan ada simptom kena buat pemeriksaan.

“Setakat ini ia belum berlaku di Malaysia, jadi kena berhati-hati terutamanya bagi mereka yang melawat Eropah ataupun yang baru balik dari sana.

“Kalau perlu jangan bercampur dengan orang ramai jika kita dari kawasan berisiko,” katanya.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam Dr Hanafiah Bashirun berkata, orang ramai tidak perlu bimbang kerana komplikasi akibat penyakit cacar monyet hampir sama dengan cacar air dan demam campak, selain kadar kematiannya juga rendah.

Risiko jangkitan dari manusia ke manusia terhadap

Putrajaya: Kemungkinan transmisi jangkitan penularan wabak cacar monyet (monkeypox) dari manusia ke manusia adalah terhadap, sekali gus risiko tersebarnya virus berkenaan di negara ini adalah rendah.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penularan itu boleh berlaku sekiranya individu berkenaan mempunyai sejarah bersentuhan dengan haiwan yang dijangkiti ataupun kontak langsung dengan pesakit yang dijangkiti cacar monyet.

“Cacar monyet disebabkan oleh jangkitan orthopoxviruses. Virus ini ditularkan kepada manusia melalui gigitan atau sentuhan langsung dengan darah binatang atau cecair badan dan luka haiwan yang dijangkiti. Virus ini juga boleh disebarkan melalui titisan sekresi pernafasan.

“Virus cacar monyet ini juga boleh menular melalui kontak langsung dengan cecair daripada ruam makulopapular di badan orang dijangkiti atau dengan objek tercemar virus, seperti tempat tidur atau pakaian.

“Tempoh inkubasi biasanya antara enam hingga 21 hari dan akan mengalami gejala selama tempoh dua hingga empat minggu,” katanya, kelmarin.

Sebelum ini media melaporkan terdapat penularan cacar monyet di tiga benua iaitu Benua Eropah merangkumi United Kingdom, Sepanyol,

Portugal, Belgium, Perancis, Itali dan Jerman), Benua Amerika (Amerika Syarikat dan Kanada) dan Australia.

Sehingga 20 Mei lalu, lebih 100 kes dilaporkan dijangkiti virus cacar monyet, sama ada kes disahkan mahupun yang disyaki. Kebanyakan kes yang dijangkiti ini tidak melaporkan sejarah perjalanan ke negara yang diketahui endemik penyakit berkenaan.

Laporan awal mengatakan sebahagian kes yang mengalami jangkitan cacar monyet ini mendapat jangkitan melalui kontak langsung dengan individu lain (pesakit monkeypox).

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tanda jangkitan mirip cacar (smallpox) adalah demam, keletihan, sakit kepala serta ruam makulopapular yang bermula di muka sebelum menyebar ke tapak tangan dan tapak kaki, diikuti oleh bahagian tubuh yang lain.

“Pesakit juga mungkin mengalami lenguh tubuh badan, sakit bahagian belakang badan atau sendi, kejang otot dan kelenjar limfa bengkak.

“Kanak-kanak dan individu yang mempunyai tahap imuniti rendah (immune deficiency) mempunyai risiko dengan gejala lebih serius dan boleh menyebabkan kematian. Kadar kematian di

negara endemik cacar monyet dianggarkan tiga hingga enam peratus,” katanya.

“Majoriti pesakit cacar monyet pulih tanpa komplikasi”
Dr Malina

Sehingga 20 Mei lalu, lebih 100 kes dilaporkan dijangkiti virus cacar monyet



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT :

RUANGAN : LOKAL

20,860 dos vaksin diberikan kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,111,499 atau 31.3 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini sudah lengkap menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Menurut laman sesawang COVIDNOW, sebanyak 1,671,828 kanak-kanak atau 47.1 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sejumlah 2,909,039 atau 93.5 peratus sudah lengkap menerima vaksinasi manakala 3,005,679 atau 96.6 peratus daripada kumpulan sama menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, sejumlah 16,078,909 atau 68.3 peratus golongan dewasa menerima dos penggalak manakala 22,972,623 atau 97.6 peratus lengkap dua dos dan 23,248,575 atau 98.8 peratus

3 kes
Kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan dua kes di Johor, satu kes di Pahang

menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Bagi pemberian dos harian pula, sebanyak 20,860 dos vaksin Covid-19 diberikan kelmarin memabitkan 7,296 dos pertama, 12,179 dos kedua dan 1,385 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 70,784,541.

Menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, sebanyak tiga kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan dua kes di Johor manakala satu kes di Pahang. - Bernama

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Tiga kematian akibat Covid-19, kes 2,021 kelmarin

PUTRAJAYA – Jangkitan Covid-19 merekodkan sebanyak 2,021 kes dengan satu kes import, menjadikan jumlah keseluruhan kes di Malaysia sebanyak 4,489,503 kes.

Berdasarkan data di laman web *CovidNow*, sebanyak 3,162 kes sembuh direkodkan dengan jumlah keseluruhan kes sembuh daripada Covid-19 sebanyak 4,425,777 kes.

“Kesemua kes harian tersebut dilaporkan di Selangor (878 kes), Kuala Lumpur (345), Pulau Pinang (126), Negeri Sembilan (125), Melaka (108), Perak (98), Johor (85), Kedah (57), Putrajaya (55) dan Sarawak (52).

“Seterusnya, Sabah (41), Pahang (25), Terengganu (12),

Kelantan (11), Perlis (2) dan Labuan (1),” demikian maklumat tersebut semalam.

Dalam masa sama, tiga kes kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 35,641 kes serta tiada kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought in death* (BID) dengan jumlah kes BID kekal 7,550 kes.

Sebanyak 28,085 kes aktif dilaporkan melibatkan 26,980 kes dikuarantin di rumah, 18 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Selain itu, sebanyak 1,048 kes berada di hospital, 15 kes di unit rawatan rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 24 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.



ORANG ramai beratur untuk mengambil makanan pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Aidilfitri 2022 di Dataran Drawbridge, Kuala Terengganu semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : NASIONAL

HFMD: Tidak perlu tutup semua taska

Hanya premis yang mempunyai kes perlu ditutup sementara

Oleh DIANA AZIS

SHAH ALAM

Tiada keperluan untuk menutup semua taska, tadika dan pusat jagaan harian kanak-kanak meskipun kes jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan semakin meningkat.

Pakar Perubatan

Kesihatan Awam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Mohd Dzulkhairi Mohd Rani berkata, penutupan sementara hanya perlu dilakukan oleh premis yang mempunyai kes penularan penyakit HFMD dan tidak melibatkan premis lain.



DR DZULKHAIRI

Hisham Abdullah berkata, jumlah kes penyakit HFMD di negara ini mencatatkan angka yang tinggi iaitu 31,661 kes.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,526 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 yang berakhir 14 Mei lalu berbanding ME sebelumnya dengan hanya 1,676 kes di seluruh negara.

Mengulas lanjut Dr Mohd Dzulkhairi berkata, ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting bagi memastikan penularan penyakit HFMD tidak berleluasa dalam kalangan anak-anak mereka.

"Mereka (ibu bapa) perlu memastikan bahawa anak-anak yang tidak sihat tidak dihantar ke pusat jagaan bagi mengelak berjangkit kepada individu lain.

"Anak-anak yang dijangkiti HFMD pula perlu dikuarantin di rumah dan pastikan mereka sentiasa dalam keadaan bersih agar cepat sembuh," tegasnya.

"Jika taska, tadika atau pusat jagaan mempunyai kes HFMD yang dilaporkan, maka premis berkenaan wajib tutup sementara bagi memutuskan rantaian jangkitan selain lakukan pembersihan serta pembasmian kuman.

"Jika tiada sebarang kes dilaporkan, maka premis boleh beroperasi seperti biasa namun perlu memastikan kebersihan berada di tahap terbaik," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Terdahulu Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor

Laporan *Sinar Harian* pada Jumaat.

KKM tidak galak guna serbuk kunyit, daun semambu rawat HFMD

TAIPING - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menggalakkan kaedah rawatan alternatif seperti menggunakan serbuk kunyit atau daun semambu bagi merawat penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).



DR NOOR AZMI

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, sebaliknya orang ramai diminta berjumpa doktor sekiranya mempunyai simptom jangkitan.

"KKM memang tidak galakkan rawatan alternatif kerana ia tidak ditentukan kesahihannya lagi dari sudut sains malah tiada rawatan khusus dari sudut sains bagi merawat penyakit tersebut.

"Kita juga bimbang gejala dehidrasi. Jadi kanak-kanak yang terkena HFMD perlu dipastikan minum air secukupnya. Jika langsung tidak boleh minum air, memang perlu diberikan secara intravenous (suntikan ke dalam salur darah) dan dibawa ke hospital," katanya yang ditemui pemberita dalam majlis jamuan Aidilfitri di kediamannya di sini pada Ahad. - *Bernama*



PENYAKIT TANGAN KAKI DAN MULUT (HFMD)

Tahukah anda?

- ▶ Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) semakin mengancam.
- ▶ Purata kes aktif kini mencecah 1,000-2,000 kes sehari.

Marilah kita memanfaatkan fungsi Pengesanan Penyakit Berjangkit ini

Dengan Pengesanan Penyakit Berjangkit, anda boleh:

- ▶ Mengenal pasti kawasan berisiko tinggi.
- ▶ Merancang perjalanan serta aktiviti luar yang ingin anda lakukan.
- ▶ Mengelakkan daripada mengunjungi kawasan yang mempunyai bilangan kes aktif yang tinggi.
- ▶ Mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap HFMD.

Layari infografik lanjut HFMD di <https://www.infosihat.gov.my/hfmd.html>

LINDUNG DIRI LINDUNG SEMUA. Terbitan : 20 Mei 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA SINAR

Orang dewasa juga boleh dijangkiti HFMD

KINI tular mengenai penyakit tangan, kaki dan mulut atau disebut HFMD. Jika dahulu dianggap penyakit ini terkesan pada kanak-kanak sahaja tetapi kini ramai yang terkejut apabila dimaklumkan orang dewasa juga berpotensi terkena virus ini. Jadi peningkatan kes ini membimbangkan.

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dalam satu kenyataan menggesa orang ramai khususnya pengusaha serta penjaga kanak-kanak untuk mengambil langkah berjaga-jaga seperti sentiasa memastikan premis terutama lantai, bilik air dan peralatan yang digunakan supaya dalam keadaan bersih.

Apakah HFMD dan apakah implikasinya kepada kesihatan? Berdasarkan soal jawab yang disediakan oleh Sektor Zoonosis, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai HFMD ini, sesiapa sahaja pada semua peringkat umur boleh terdedah, tetapi kanak-kanak berusia di bawah lima tahun paling mudah mendapat jangkitan.

Antara kesannya adalah demam, rasa tidak sihat yang disusuli dengan kurang selera makan. Ulser pada mulut akan timbul. Sebilangan kanak-kanak mungkin mengalami ruam merah pada tapak tangan atau celah jari. Namun tidak semua kanak-kanak yang dijangkiti akan mengalami tanda dan gejala yang sama.

Apabila telah dijangkiti, jika mempunyai tanda-tanda seperti sakit kepala, pening, ketegangan pada leher, perasaan cepat marah, mengantuk, sawan, pergerakan tak normal, pernafasan cepat atau mudah lesu, itu bermakna mengalami kesan HFMD yang teruk, boleh memberi impak kepada otak ataupun jantung.

Justeru, jangan ambil mudah dengan penyakit ini kerana ia boleh memberi kesan yang lebih teruk. Apatah lagi belum ada rawatan khusus untuk melawan virus ini. Berhati-hatilah.

Jadi, jangan lupa untuk terus bantu sebarkan maklumat yang berguna ini supaya setiap orang di sekeliling kita berjaga-jaga dan paling penting utamakan kebersihan dengan kerap mencuci tangan terutamanya selepas menyentuh pesakit HFMD atau barangan yang digunakan pesakit.

Penyakit ini mudah berjangkit, hanya dengan menjaga kebersihan dapat mengurangkan risiko terkena virus ini. Ibu bapa perlulah tingkatkan penjagaan kebersihan kepada anak-anak mereka.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : GAYA



BERTUGAS di Klinik Pakar Pediatrik merapatkan hubungannya dengan pesakit kanak-kanak.

Jururawat lelaki disenangi pesakit

Oleh NUR IZZAH IZZATI NADZI
 izzah.nadzi@mediamulla.com.my

SELEPAS melihat dokumentari mengenai ketua jururawat lelaki di Kedah yang bernama 'Sister' Bakar (yang telah kembali ke rahmatullah) ketika di bangku sekolah, terdetik di fikiran Kamal Ab. Ghani (gambar), 35, untuk menggapai cita-cita sama menjadi seorang jururawat.

Kamal yang kini bertugas sebagai Jururawat Kaunselor HIV dan AIDS (Pediatrik) di Klinik Pakar 1, Hospital Kajang, Selangor, berkata, walaupun pernah ditertawa rakan sebaya apabila menyuarakan hasrat untuk menjadi jururawat sebaliknya apabila bekerja, dia disenangi ramai pesakit lelaki.

"Umum mengetahui, jururawat lelaki tidak ramai. Tetapi penerimaan oleh pesakit sangat baik. Mungkin juga disebabkan oleh faktor pendidikan dan perkembangan kebanyakan pesakit lelaki ini mula menerima kehadiran jururawat lelaki terutama



...walaupun pernah ditertawa rakan sebaya apabila menyuarakan hasrat untuk menjadi jururawat sebaliknya apabila bekerja, dia disenangi ramai pesakit lelaki."

dalam kes yang melibatkan aurat.

"Bahkan ramai juga pesakit lelaki akan membuat permintaan sekiranya terdapat jururawat lelaki di unit tersebut. Semasa saya menjadi pelatih suatu ketika dahulu, jururawat lelaki hanya boleh dijumpai di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kelantan sahaja," katanya yang bersyukur apabila *Utusan Malaysia* meraikan jururawat lelaki yang 'tidak didendang' ini.

Bersambung di muka 22

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : GAYA.FOKUS

Tersentuh hati melihat situasi pesakit Covid-19


LAIN pula kisah Jururawat Masyarakat, Rus Hasimah Anuar yang berpengalaman dalam mengendalikan pesakit Covid-19 di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di Serdang, Selangor, setahun yang dilalui betul-betul membuatkan jiwanya tersentuh.

Kongsi Rus Hasimah, 33, pada awalnya dia berasa takut dan bimbang untuk bertugas di pusat kuarantin-kerana kurang ilmu pengetahuan mengendalikan pesakit Covid-19.

"Selepas pulang daripada kursus Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) di Institut Latihan Kementerian Kesihatan (KKM), saya diarahkan bertugas di PKRC MAEPS selama setahun. Pastilah timbul rasa takut dan risau jika tidak dapat mengawal pesakit-pesakit ketika itu. Lebih-lebih lagi ini merupakan pengalaman pertama semua orang.

"Selain perlu memakai sut peralatan perlindungan diri (PPE) yang panas dan tidak selesa namun terpaksa menyuruhnya juga untuk elak daripada jangkitan.

"Tetapi alhamdulillah apabila melihat wajah pesakit yang memerlukan pertolongan daripada jururawat, jiwa saya tersentuh dan ingin memberi



RUS HASIMAH bersama kad ucapan Terima Kasih Frontliners yang ditulis oleh pesakit Covid-19 di MAEPS, Serdang tahun lalu.

pertolongan terbaik sehingga mereka dibenarkan pulang dan bebas Covid-19," katanya yang memegang prinsip layan orang dengan baik walaupun kita tidak menerima layanan yang sama.

Katanya, pernah juga ada sesetengah waris kurang memahami tugas jururawat dan memarahi tanpa usul periksa. Namun penting

baginya dan jururawat lain untuk bersabar dan mengawal situasi sebegini.

Rus Hasimah pernah tular Mei tahun lalu selepas *Utusan Malaysia* melaporkan kisahnya dalam menakutkan masyarakat bahawa Covid-19 benar-benar wujud.

Disebabkan perwatakannya yang peramah dan ikhlas dalam menjalankan tugas,

ibu empat anak ini begitu disayangi dan disenangi pesakit Covid-19 di PKRC MAEPS mahupun ketika tidak bertugas.

"Saya sangat rapat dengan pesakit. Saya tidak mahu mereka berasa asing dan 'tidak selamat' semasa mendapatkan rawatan. Sebab itu, ketika bertugas, pesakit selalu memberikan ucapan



Apabila berjumpa di luar waktu bertugas, ada pesakit dan waris bertegur sapa walaupun saya tidak memakai uniform. Saya terharu dan seronok kerana dihargai serta gembira apabila waris berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan terhadap pesakit."

Terima Kasih Jururawat dan membuat kad ucapan Terima Kasih Frontliner sebagai penghargaan.

"Apabila berjumpa di luar waktu bertugas, ada pesakit dan waris bertegur sapa walaupun saya tidak memakai uniform. Saya terharu dan seronok kerana dihargai serta gembira apabila waris berpuas hati dengan perkhidmatan

Dari muka 21

Kamal yang berpengalaman 17 tahun sebagai jururawat dan pembantu jururawat serta klinik berkata, masyarakat sering keliru dengan kewujudan jururawat lelaki kerana kerjaya itu tidak sepopular di luar negara malah ramai yang menganggap mereka sebagai Penolong Pegawai Perubatan (MA) atau Hospital Assistant (HA).

"Tiap kali bertemu orang awam, saya kerap ditanya sama ada bertugas sebagai MA atau HA. Tetapi selepas menjelaskan kepada mereka, baharulah mereka faham tugas saya sebagai jururawat lelaki," katanya yang kini bertugas di Klinik Pakar Pediatrik sejak enam tahun lalu.

Anak bongsu daripada lapan adik-beradik ini juga

merupakan orang ketiga dalam keluarga menjadi jururawat selepas kakak, Rosnida Ab. Ghani, 38, yang bertugas di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II, Kota Bharu, Kelantan dan kakak ipar, Staff Sarjan Masniza Baharudin, 38, di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Mengulas mengenai pengalaman sukar dilupakan, kata Kamal, pengalaman sedih yang memberikan kesan sepanjang bertugas sebagai jururawat adalah apabila kehilangan dua kawan baik akibat jangkitan Covid-19.

"Pengalaman paling gembira pula ialah bila cita-cita saya hendak menjadi jururawat sejak dari bangku sekolah lagi sudah tercapai. "Saya juga rasa gembira apabila pesakit yang kita beri penjagaan dan rawatan

boleh pulang dengan sihat serta mengucapkan 'bye-bye, terima kasih misi'," katanya yang ingin majukan diri lebih selangkah lagi sebagai jururawat pengajar suatu hari nanti.

Nasihat Kamal kepada lelaki mahupun wanita terutama generasi baharu yang bercita-cita untuk menjadi jururawat agar tidak menganggap kerjaya jururawat hanya sebagai suatu kerja semata-mata.

Sebaliknya, letak dalam hati bahawa bidang kejururawatan ini adalah suatu profesion agung yang bersifat berterusan dan tidak terhenti setakat diploma sahaja.

"Belajarlah semampu yang boleh agar cita-cita tercapai walaupun kita pernah gagal sekali. Bagi saya, gagal sekali tidak bererti kita gagal selamanya," katanya.



RAMAI menganggap jururawat lelaki sebagai MA atau HA.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : FOKUS.GAYA



JURURAWAT Masyarakat di Wad 3, Hospital Kajang ini pernah tular selepas Utusan Malaysia melaporkan kisahnya menyakinkan masyarakat Covid-19 wujud.

yang diberikan terhadap pesakit. "Ini membuatkan saya lebih bersemangat untuk berbakti kepada masyarakat dan meningkatkan mutu perkhidmatan semasa bertugas. Saya yakin jika kita gembirakan orang lain dan menyenangkan mereka, kita akan dibalas baik dan peroleh pahala berlipat kali

ganda," katanya yang kini bertugas di Wad 3, Hospital Kajang, Selangor. Rus Hasimah berkata, bertugas sebagai jururawat memerlukan tahap kesabaran yang tinggi, berani, sanggup bertugas bila-bila masa dan ikhlas dalam merawat pesakit serta melaksanakan tugas dengan baik.



KAMAL menyarung baju klinikal bercorak kartun sebagai terapeutik psikologi kepada kanak-kanak yang fobia terhadap uniform putih jururawat.



“Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan jururawat yang bekerja keras dengan penuh dedikasi, siang dan malam membantu menjaga pesakit. Perhatian, kasih sayang dan kebaikan yang ditunjukkan telah memberi kebahagiaan dan semangat kepada mereka. Penjagaan oleh jururawat amat penting dalam rawatan pesakit.”

DR. NIK MUHD ASLAN ABDULLAH
Consultant Clinical Oncologist
Pusat Perubatan Sunway

Terkenangkan detik pesakit 'tewas'

PENGALAMAN sedih sebagai seorang jururawat apabila menghadapi perjalanan terakhir pesakit. Senior Manager Nursing di Pusat Perubatan Sunway, Razlina Ramli, 45, menyifatkan tugas seorang jururawat adalah membantu sedaya-upaya pesakit kembali sihat di samping cuba mengembalikan keupayaan sendiri pesakit seperti sebelum mereka jatuh sakit.

"Pesakit yang kita jaga selama ini akhirnya tewas dengan takdir yang telah ditetapkan iaitu kematian.

"Sebagai seorang jururawat, kami memahami situasi pesakit yang telah berada di tahap kritikal namun kehilangan pesakit masih amat dirasai.

"Sedih apabila terkenangkan kembali detik-detik pesakit yang 'tewas' disebabkan ikatan perhubungan antara 'nurse-patient' yang telah dibina semasa menjalankan tugas," kata anak kelahiran Terengganu ini.

Ujar Razlina yang bertugas lebih 20 tahun sebagai jururawat, persepsi orang awam terhadap kerjaya jururawat adalah hanya menjadi pembantu kepada doktor untuk merawat pesakit.

"Bagaimanapun, tugas dan tanggungjawab kami lebih daripada itu yang mana banyak kemahiran lain diperlukan di dalam profesion yang dianggap mudah ini.

"Untuk membolehkan jururawat terlatih dibenarkan bekerja adalah dengan memiliki lesen yang harus diperbaharui setiap tahun.

"Jururawat terlatih perlu menghadiri training dan juga mengikuti kursus akademik klinikal supaya memenuhi kriteria yang diperlukan untuk memperbaharui lesen kerja. Jadi, kerjaya sebagai jururawat tidaklah mudah yang disangka," katanya.

Tambah Razlina, pandemik Covid-19

menyebabkan banyak perubahan dalam cara mengendalikan pesakit dan juga family expectation yang tinggi.

"Tugas *frontliners* adalah mengikut panduan disarankan KKM untuk keselamatan pesakit dan juga jururawat atau *frontliners*.

"Karier sebagai seorang jururawat atau *frontliners* sangat mencabar yang mana kerja kami melibatkan nyawa seseorang dan perlu memastikan pesakit selamat ketika berada di bawah jagaan kami.

"Oleh itu, apabila dapat merawat pesakit yang sangat memahami, menghormati dan menghargai setiap tugas untuk membantu mereka, kami sangat gembira. Melihat pesakit sembuh dan kembali berdikari kami turut bersyukur. Ucapan terima kasih sudah cukup untuk menghargai dan menghilangkan penat lelah," katanya.

Tegas Razlina, seseorang yang ingin menjadi jururawat bukan sahaja memerlukan kebolehan akademik tetapi juga penting mempunyai kemahiran *Emotional Intelligence (EQ)* yang tinggi.

"Generasi muda yang berminat untuk menceburi bidang ini sangat dialu-alukan, kerana bidang kejururawatan sangat luas dan jururawat yang berpotensi boleh berpeluang mengembangkan karier di dalam industri kesihatan di peringkat global," katanya.



RAZLINA RAMLI

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

PRECAUTIONARY MEASURES

MONKEYPOX: 'VACCINATE BEFORE GOING ABROAD'

Have guidelines, step up border controls to protect nation from disease, urges expert

KUALA LUMPUR

MALAYSIANS planning to visit countries affected by the monkeypox outbreak are advised to get vaccinated beforehand to protect themselves against the virus. A public health expert from the Faculty of Medicine and Health Sciences, Universiti Putra

Malaysia, said the Health Ministry should establish guidelines for those wanting to travel to these destinations. "The World Health Organisation (WHO) guidelines recommend getting the existing smallpox vaccine, which is said to be 85 per cent effective in preventing monkeypox," said Professor Dr Malina Osman. "I'm not sure whether it's available in government clinics, but in private clinics, it might be." She said the government needed to strengthen border controls, including monitoring the entry of individuals from countries affected by the outbreak. "I believe the ministry will issue guidelines on monitoring monkeypox symptoms. I'm confident that it is similar to dealing

with chickenpox, quarantining for a certain period to prevent local transmission." Dr Malina said the virus originated from monkeys and spread to humans through contact with body fluids, such as saliva, nasal mucus and phlegm. She said a majority of infected patients had recovered without complications, adding that the mortality rate was low, between three and six per cent. Those who are infected will take between two and four weeks to fully recover.

According to the WHO, at least eight countries have reported cases of monkeypox in recent days, namely Australia, Canada, United States, Belgium, France, Germany, Italy, Portugal, Spain, Sweden and the United Kingdom. Public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar advised people experiencing symptoms after returning from these countries to immediately seek medical attention. "We have to get the symptoms checked. The virus has not been reported in Malaysia, so we have to be ex-

tra vigilant, especially those who have visited or returned from Europe. "If necessary, do not mingle with others," he said. Another public health expert, Dr Hanafiah Bashirun, urged the public not to be unduly worried as the complications from monkeypox were almost similar to those of chickenpox and measles, and the mortality rate was low. "It can be transmitted from one person to another but unlike Covid-19, which can be transmitted in 15 seconds, the monkeypox virus takes hours to infect a person. "There is no medicine to prevent monkeypox and if infected, it will heal on its own," he said. **Bernama**



Head of the Institute of Microbiology of the German Armed Forces, Roman Woelfel, working in his laboratory in Munich on Friday after Germany detected its first case of monkeypox. REUTERS PIC



Professor Dr Malina Osman

UNPROVEN THERAPIES

'Don't seek alternative HFMD treatments'

TAIPING: The Health Ministry does not encourage alternative treatment methods, such as the use of turmeric powder or *se-mambu* (neem) leaves to treat hand, foot and mouth disease (HFMD). Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said instead, people should see a doctor if they had symptoms of the disease. "The ministry does not encourage alternative treatment because it has not been determined scientifically, and there is no spe-



Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali (standing, centre) and his wife, Datin Dr Siti Norzah Bachik (standing, right) greeting people at their open house in Taiping yesterday. BERNAMA PIC

cific treatment from a scientific point of view. "We are concerned about dehydration. "Children with the disease must drink enough water. If they can't, they should be given it intravenously and taken to hospital," he said at a Hari Raya Aidilfitri open house at his residence here yesterday. On May 17, Health director-gen-

eral Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah had reportedly said that the number of HFMD cases had increased to 31,661 on May 14. Dr Noor Hisham said 7,526 cases were recorded in the epidemiological week (or ME 19/2022), which ended on May 14, an increase of 349 per cent compared with the previous period which logged only 1,676 cases nationwide. **Bernama**

28,085 ACTIVE CASES

Nation logs 2,021 Covid-19 cases, 3 deaths on Saturday

KUALA LUMPUR: Malaysia reported 2,021 new Covid-19 infections on Saturday, bringing the cumulative count to 4,489,503 with 28,085 active cases throughout the country. A total of 26,980 patients, or 96.1 per cent of the active Covid-19 cases, are undergoing home quarantine, and 18 are being treated at low-risk Covid-19 quarantine and treatment centres. A total of 1,048 patients, or 3.7 per cent, are hospitalised, with 15 receiving treatment in intensive care units (ICUs) and 24 others on ventilators. A total of 3,162 patients recovered on Saturday. Three people died due to the

virus on the same day. Two deaths were recorded in Johor and one in Pahang, bringing the death toll to 35,641 since the pandemic began two years ago. A total of 70,784,541 Covid-19 vaccines have been administered since immunisation efforts began last year. Up to yesterday, 22,972,623 adults have completed the vaccination, with 16,078,909 of them having taken a booster shot. As for adolescents aged between 12 and 17, 2,909,039 have completed the vaccination. With regard to children aged 5 to 11, 1,111,499 had received a dose of the vaccine. **Bernama**

INFO BOX

96.1pc

of the total active Covid-19 cases are undergoing home quarantine

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Over 1m children fully vaccinated against Covid-19

KUALA LUMPUR: A total of 1,111,499 or 31.3% of children aged five to 11 in the country have been fully vaccinated under the Covid-19 National Immunisation Programme for Children as of Saturday.

According to the CovidNOW website, a total of 1,671,828 children or 47.1% of the group received at

least one dose of the vaccine.

For adolescents aged 12 to 17, a total of 2,909,039 or 93.5% are fully vaccinated while 3,005,679 or 96.6% of the same group received at least one vaccine dose.

Meanwhile, a total of 16,078,909 or 68.3% of adults have received a booster dose while 22,972,623 or

97.6% have completed two doses and 23,248,575 or 98.8% had received at least one dose of the vaccine.

A total of 20,860 vaccine doses were administered on Saturday involving 7,296 first doses, 12,179 second doses and 1,385 booster doses, bringing the cumulative total

vaccine dose administered through the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,784,541.

According to the Health Ministry's GitHub portal, three deaths were recorded on Saturday, with two cases in Johor and one in Pahang. - Bernama

'Alternative HFMD treatment not encouraged'

TAIPING: The Health Ministry does not encourage using alternative treatment such as turmeric powder or neem leaves to treat hand, foot and mouth disease (HFMD).

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali advised the public to seek medical attention if they show symptoms of infection.

"Alternative treatment is not encouraged because there is no specific treatment from a scientific point of view to treat the disease.

"We are also concerned about symptoms of dehydration. Children with HFMD need to drink enough water or in serious cases, be given liquids intravenously at hospitals" he said yesterday.

On May 17, Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the number of HFMD cases in the country had increased at an alarming rate with 31,661 cases as of May 14, compared with 2,121 reported during the same period last year. - Bernama

'Get monkeypox jabs before travelling abroad'

KUALA LUMPUR: Malaysians planning to visit countries affected by the monkeypox outbreak are advised to get vaccinated beforehand to protect themselves against the virus.

Universiti Putra Malaysia Faculty of Medicine and Health Sciences public health expert Prof Dr Malina Osman said the Health Ministry should come up with guidelines for those who want to travel to these destinations as a precautionary measure to prevent the disease from

spreading to this country.

"The World Health Organisation (WHO) guidelines recommend getting the existing smallpox vaccine, which is said to be 85% effective in preventing monkeypox. However, I'm not sure if it's available in government clinics. It might be available in private clinics."

Malina said the government also need to intensify control at the country's borders, including monitoring the entry of individuals

from countries affected by the outbreak.

"I believe the ministry will issue guidelines on monitoring monkeypox symptoms. I'm also confident that it is similar to dealing with chickenpox, such as being quarantined for a certain period to prevent local transmission," she said.

Malina added the virus originated from monkeys and spread to humans through contact of body fluids such as saliva, nasal mucus

and phlegm.

She said the majority of infected patients recovered without complications, adding that the mortality rate was low, which is 3-6%.

Those who are infected will take between two and four weeks to fully recover.

According to WHO, at least eight countries have reported cases of monkeypox in recent days, namely Australia, Canada, United States, Belgium, France, Germany, Italy,

Portugal, Spain, Sweden and the United Kingdom.

Public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar advised those who are experiencing symptoms after returning from the countries involved to immediately seek medical treatment.

"We have to get the symptoms checked.

"So far, the virus has not been reported in Malaysia, so we have to be extra vigilant." - Bernama